



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

POLISI TIADA HADIAH & HOSPITALITI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Bagi mendukung serta menerapkan Nilai Teras Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang keempat iaitu INTEGRITI di dalam organisasi, pihak kami telah mengambil keputusan untuk sentiasa menguatkuasakan **Polisi Tiada Hadiah & Hospitaliti** dengan serta-merta.

Pelaksanaan polisi ini adalah merupakan salah satu tanggungjawab kami dalam menepati prinsip Ikrar Integriti Korporat (IIK) LHDNM yang telah ditandatangani oleh CEO LHDNM pada 13 November 2013.

Sebagai agensi yang menjaga kepentingan awam, adalah amat penting untuk memberi pemahaman kepada masyarakat bahawa LHDNM sentiasa memberikan perkhidmatan yang telus dan adil kepada semua golongan. Sehubungan itu, penetapan **Polisi Tiada Hadiah & Hospitaliti** ini diharap akan dapat menyokong hasrat LHDNM untuk menyatakan kepada masyarakat bahawa apa-apa bentuk hadiah dan faedah atau hospitaliti tidak akan mempengaruhi sebarang tindakan oleh pihak kami. Ia adalah selaras dengan Dasar Kualiti LHDNM yang menyatakan '*Berteraskan Integriti, Kami Komited Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik Untuk Pelanggan*'.

Selain itu, LHDNM juga komited untuk membudayakan sikap integriti dalam kalangan kakitangan selain memartabatkan nilai-nilai ketelusan, etika dan tadbir urus yang baik. Sebarang konflik kepentingan dalam mana-mana urusan atau potensi rasmi LHDNM juga dapat dielakkan dengan pelaksanaan **Polisi Tiada Hadiah & Hospitaliti** ini.

LHDNM berharap mana-mana pihak yang berurusan dengannya menghormati penetapan polisi ini serta tidak akan memberi atau menghantar sebarang bentuk hadiah atau faedah seperti wang tunai atau baucar, hamper, hiburan, tambang percuma atau kemudahan perjalanan serta lain-lain bentuk hadiah atau hospitaliti terutamanya ketika musim perayaan.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN) | Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 8 Jun 2016